



SIARAN MEDIA

LARIAN WIRA LTAT 2025 TARIK 10,000 PENYERTAAN

Meningkatkan Penghargaan Masyarakat Terhadap Pengorbanan Wira & Wirawati Negara

PUTRAJAYA, 31 MEI 2025 – 10,000 peserta dari segenap lapisan masyarakat telah membanjiri Dataran Wawasan, Putrajaya pada malam ini bagi menyertai Larian Wira 2025 – Night Run anjuran Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”). Bertemakan “Demi Wira Kami”, acara ini bertujuan untuk menghargai pengorbanan anggota Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) yang berjuang demi melindungi kedaulatan negara dan seterusnya menyemarakkan semangat patriotik seluruh di kalangan rakyat Malaysia.

Edisi khas tahun ini yang diadakan buat julung kali pada waktu malam mengetengahkan tiga kategori larian iaitu 5km (Fun Run), 10km dan 21.1km (Half Marathon). Lebih menarik, segmen Fun Run 5km turut disertai oleh 22 orang kanak-kanak istimewa dari Incredible Warrior Club.

Salah satu tumpuan utama acara ini adalah hebahan terhadap pengumpulan dana untuk Kempen Tabung Pahlawan yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (“JHEV”) ATM. Dana yang dikumpulkan ini akan disalurkan kepada veteran ATM yang memerlukan, termasuk mereka yang terlantar sakit, kurang upaya, dan warga emas yang hidup bersendirian. Kempen ini merupakan inisiatif kebajikan penting yang memberi sokongan moral dan kewangan kepada veteran ATM yang telah banyak berjasa mempertahankan tanah air.

Menurut Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara), Pengerusi LTAT, “Larian Wira adalah simbol perpaduan nasional, semangat patriotisme, dan penghargaan yang mendalam terhadap jasa dan pengorbanan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Mereka inilah wira sejati tanah air yang bertugas tanpa mengira siang atau malam demi memastikan keamanan dan kedaulatan negara terus terpelihara. Tahun ini juga lebih bermakna apabila LTAT turut berganding bahu dengan pihak JHEV dalam memperluas hebahan mengenai Tabung Pahlawan bagi membuka ruang kepada rakyat Malaysia untuk menyalurkan sumbangan mereka kepada para veteran ATM yang memerlukan sokongan.”

Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, meluahkan rasa syukur dan bangga atas sambutan luar biasa terhadap penganjuran ini, “Larian Wira 2025 – Night Run membuktikan bahawa penghargaan rakyat kepada wira negara tidak pernah pudar. Sambutan luar biasa ini adalah bukti bahawa semangat patriotik yang kukuh hadir dalam sanubari masyarakat kita serta mengangkat pengorbanan ATM ke tahap yang lebih tinggi. LTAT akan terus komited menjadikan Larian Wira sebagai satu platform yang memperkukuh ikatan antara masyarakat dan ATM serta menyemai rasa bangga terhadap jati diri dan perjuangan negara tercinta.”

Acara ini turut disemarakkan dengan pelbagai aktiviti seperti Zumba Night Warm-Up oleh Badan Kesenian Tentera Udara ("BKTU"), persembahan Hakka oleh Pasukan Latihan Pegawai Simpanan ("PALAPES") daripada Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM"), Drumline ATM, pembukaan reruai oleh Jabatan Rehabilitasi Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan ("HATTM") yang akan menawarkan rawatan pemulihan kepada para peserta larian dan pameran ketenteraan oleh ATM.

Selain itu, Syarikat Kumpulan LTAT seperti Affin Bank, BHPetrol, dan AHAM Asset Management Berhad ("AHAM Capital") juga akan mengadakan reruai pameran, selain kehadiran trak makanan (*food truck*) yang bakal melengkapkan lagi pengalaman menyeluruh buat semua peserta dan pengunjung.

Turut hadir memeriahkan acara ialah Lt Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Sri Hj Muhamad Norazlan bin Aris TUDM, Timbalan Panglima Tentera Udara, barisan pengurusan tertinggi LTAT serta wakil-wakil Syarikat Kumpulan LTAT.

Larian Wira 2025 – Night Run telah berjaya menzahirkan semangat "Demi Wira Kami" dengan menyatukan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan dalam satu malam penuh sinergi, kecergasan dan penuh penghargaan terhadap pengorbanan wira-wira negara.

-TAMAT-

Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT")

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") serta para veteran.

Pindaan terkini kepada Akta 101 ini telah berkuat kuasa pada 1 November 2022. Pada 31 Disember 2024, jumlah Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") LTAT adalah hampir RM13.60 bilion. LTAT telah mengisytiharkan dividen sebanyak 5.25% bagi tahun 2024, selepas membayar dividen sebanyak 5.0% pada tahun 2023 dan 2022, 4.1% pada 2021, 3.5% pada 2020, 2.5% pada 2019, dan 2.0% pada 2018. Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari www.ltat.gov.my.

PERHUBUNGAN MEDIA

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi Strategik

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : www.ltat.gov.my